

**AMCA Garis Keutamaan Dalam Kerjasama Kebudayaan, Kesenian Asean
Bernama
25 Mei, 2012
Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah**

SINGAPURA, 25 Mei (Bernama) -- Menteri-Menteri Kebudayaan dan Kesenian Asean (AMCA) telah menggariskan keutamaan bagi meningkatkan kerjasama kebudayaan dan kesenian negara kumpulan tersebut untuk tempoh dua tahun akan datang.

AMCA dan AMCA Campur Tiga (AMCA+3) mengadakan mesyuarat mereka yang kelima di sini semalam dan menteri-menteri berkenaan juga buat pertama kali memanggil mesyuarat AMCA Campur China (AMCA+China) pada hari yang sama.

Kenyataan bersama Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kesenian Singapura hari ini berkata pada sidang pleno itu AMCA menyemak kemajuan Perisytiharan Asean bagi Perpaduan Kepelbagaian Kebudayaan dalam Mengukuhkan Komuniti Asean, pelaksanaan Rangka Tindakan Komuniti Sosio Kebudayaan Asean dan Pelan Besar Hubungan Asean, semuanya itu bagi membolehkan tercapainya Komuniti Asean menjelang 2015.

Ia menyatakan bahawa menteri-menteri berkenaan bersetuju meningkatkan kerjasama Asean dalam bidang kebudayaan dan kesenian yang tertumpu pada pembangunan sumber manusia, perlindungan dan memajukan warisan kebudayaan Asean dan membangunkan perusahaan kecil dan sederhana bidang kebudayaan, termasuk projek industri kreatif.

Menteri-menteri itu bersetuju tentang perlunya penglibatan belia dalam kebudayaan menerusi pelbagai pentas sama ada melalui media baharu dan sosial, budaya sukarela, daya usaha kebudayaan atau pertukaran lawatan serta program hubungan.

Dalam mesyuarat itu, Malaysia diwakili oleh Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Singapura yang mempengerusikan mesyuarat AMCA dan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat kelima itu telah dipilih sebagai Bandaraya Asean bagi Kebudayaan 2012-2013.

Di mesyuarat kelima AMCA+3, para menteri antara lain memberi perhatian terhadap peranan membina dimainkan oleh kerjasama dalam AMCA+3 itu yang membawa kepada kerjasama lebih rapat dalam perlindungan budaya warisan, di samping mengesahkan draf Pelan Kerja dalam meningkatkan kerjasama Asean Campur Tiga untuk kebudayaan.

Di mesyuarat pertama AMCA+China, para menteri itu antara lain menyetujui garis panduan pelaksanaan mesyuarat AMCA+China termasuk menetapkan matlamat dan bidang kegiatan serta susunan mesyuarat.

Menteri-menteri negara Asean+3 hari ini mengunjungi Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong di Istana.

Mesyuarat berikutnya bagi AMCA, AMCA+3 dan AMCA+China dijadual diadakan di Vietnam pada 2014.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668812>

